

Cara elak salah faham antara penganut agama

oleh

**NURULHUDA S M
ALBUKHARI**
nurulma@sph.com.sg

Isu: Langkah bagaimana perlu diambil jika pemimpin agama lain keluarkan kenyataan yang menyinggung

“Oleh itu, kita harus mengatasi perbezaan ini dan ini merupakan cabaran yang sentiasa ada,” ujarnya.

Sementara itu, ketika ditemui, Mufti Syed Isa Semait berkata beliau akur dengan pandangan Dr Balakrishnan.

“Sebelum orang luar tegur, lebih baik orang dalam tegur supaya dapat mengelak salah faham.

“Apabila kita menegur kesalahan rakan kita di khalayak ramai, agama lain dapat melihat bahawa kita sedang melakukan perkara yang baik untuk mengatasi atau mengelak salah faham.

“Jika ia dilakukan di sebalik tabir, mereka akan curiga dan bertanya-tanya sama ada kita betul-betul sudah menegur kesalahan itu atau belum,” ujarnya.

Mufti menambah, insiden-insiden yang lalu merupakan pengajaran yang baik buat Singapura dan dapat membentuk masyarakat Singapura yang saling memahami.

kinan Antara Kaum dan Agama (IRCC) dan bengkel tahunan IRCC di Hotel Amara semalam.

Menurut beliau, apabila terdapat seseorang membuat kenyataan yang kurang bijak mengenai sekumpulan agama lain, masyarakat awam akan sering membuat tiga tanggapan yang salah.

Tanggapan salah pertama adalah masyarakat tidak berani untuk membincangkan isu tersebut.

“(Tetapi) bagaimana kita boleh mengatasi masalah itu jika tidak ada orang yang ingin menyuarakan pendapat atau memberi pandangan untuk mengatasi masalah tersebut?” kata Dr Balakrishnan.

Tanggapan salah kedua pula ialah dengan mempunyai pandangan-pandangan yang terlalu optimistik dan perbincangan-perbincangan yang terlalu banyak.

Manakala tanggapan salah ketiga pula ialah, dengan membiarkan pemerintah untuk mengatasinya.

“Huraian tidak boleh datang dari pihak pemerintah sahaja. Apa saja yang boleh dilakukan pemerintah ada batas-batasnya,” kata Dr Balakrishnan.

Dalam ucapannya, beliau juga menegaskan bahawa kerja-kerja yang dijalankan oleh IRCC masih diteruskan.

“Perkembangan global dan insiden setempat selalu mengingatkan bahawa kita perlu melindungi dan memelihara perpaduan sosial masyarakat kita. Ramai daripada kita menilai identiti menerusi kumpulan yang dianggotai, seperti keluarga, bangsa ataupun agama. Malangnya, ini menyebabkan kita membeza-bezakan antara satu sama lain.

JIKA terdapat seorang pemimpin agama mengeluarkan kenyataan ofensif, para pemimpin lain dari agama yang sama itu perlu bersuara dan menyangkal pemimpin berkenaan, kata Menteri Pembangunan Masyarakat, Belia dan Sukan, Dr Vivian Balakrishnan.

Dr Balakrishnan berkata, dengan menolak kenyataan-kenyataan ofensif itu, ia sekali gus dapat memberi jaminan kepada agama-agama lain bahawa kenyataan tersebut tidak dikongsi sama dan diterima oleh para pengikut arus utama agama tersebut.

Ia juga boleh mengelak daripada tercetusnya pertelingkahan, jika pemimpin agama lain menyertai sama pertikaian tersebut.

Dr Balakrishnan berkata demikian semasa berucap di majlis pelancaran laman web Kumpulan Keya-



PELANCARAN LELAMAN:

Menteri Pembangunan Masyarakat, Belia dan Sukan (MCYS), Dr Vivian Balakrishnan (lima dari kanan), bersama Mufti Syed Isa bin Mohamad Semait (dua dari kir) dan para anggota Kumpulan Keyakinan Antara Kaum dan Agama (IRCC).